

21 DISEMBER 2017

## Warga Filipina bawa syabu di KLIA dihukum mati

### KES KETIGA | Warga Filipina bawa syabu di KLIA dihukum mati

SHAH ALAM - Perbuatan seorang lelaki Filipina mengedar dadah syabu seberat 2.6 kilogram menggunakan bekas pemanas air menerima padah apabila dia dijatuhi hukuman gantung sampai mati oleh Mahkamah Tinggi Shah Alam di sini semalam.

Penjual kereta, Dizon Rosales Ramir, 39, dijatuhi hukuman itu selepas Hakim Datuk Ghazali Cha mendapati pihak pembelaan gagal menimbulkan keraguan munasabah terhadap kes pendakwaan.

Bapa kepada dua orang anak itu didakwa mengedar dadah tersebut di Balai Ketibaan Antarabangsa MTB, Aras 3, Lapangan Terbang Antarabangsa

Kuala Lumpur (KLIA) pada pukul 6.20 petang 28 Oktober 2014.

Dia didakwa mengikut Seksyen 39B(1) yang memperuntukkan hukuman gantung sampai mati jika sabit kesalahan.

Ghazali dalam penghakimannya berkata, pembelaan tertuduh kononnya dia tidak tahu apa-apa yang dibawanya tidak boleh diterima kerana kotak pemanas air itu sudah berada bersamanya dalam tempoh tiga hari.

"Ia jelas menunjukkan tertuduh hanya menutup mata kepada sesuatu yang jelas dan tidak mengambil pilihan tersebut. Atas alasan ini, tertuduh sememangnya tahu isi kandungan P9 itu ialah dadah.

"Tertuduh dengan ini didapati bersalah dan disabitkan kesalahan," katanya.

Berdasarkan fakta kes, tertuduh telah ditahan di KLIA selepas imbasan yang dilakukan ke atas sebuah kotak berisi pemanas air yang dibawanya mendapati terdapat imej yang mencurigakan.

Kes dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Mohd. Yazid Sairi manakala tertuduh diwakili peguam Lee Teong Hooi.

Seramai sembilan saksi pendakwaan dipanggil pihak pendakwaan dan seorang saksi pembelaan sepanjang perbicaraan yang bermula pada September 2015.



DIZON dibawa keluar dari Mahkamah Tinggi Shah Alam semalam.

Info Solat						
21 DISEMBER 2017						
2 RABIULAKHIR 1439H						
	SUBUH	STURIM	ZOHOR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
K. LUMPUR	5:52	7:12	1:14	4:37	7:10	8:25
SHAH ALAM	5:52	7:12	1:14	4:37	7:10	8:25
SEREMBAN	5:48	7:11	1:12	4:36	7:11	8:25
MELAKA	5:47	7:10	1:12	4:35	7:10	8:25
JOHOR BAHRU	5:40	7:03	1:06	4:29	7:05	8:20
IPOH	5:57	7:17	1:17	4:39	7:12	8:27
P. PINANG	6:00	7:21	1:19	4:41	7:12	8:27
ALOR SETAR	6:02	7:22	1:19	4:40	7:11	8:26
K. TERENGGANU	5:48	7:11	1:08	4:29	7:01	8:16
KOTA BHARU	5:58	7:16	1:12	4:33	7:04	8:14
KUANTAN	5:45	7:05	1:08	4:31	7:06	8:20
KANGAR	6:02	7:24	1:19	4:40	7:11	8:25
TAWAU	4:49	6:12	12:10	3:32	6:05	7:19
KOTA KINABALU	4:58	6:20	12:16	3:37	6:09	7:23
KUCHING	5:15	6:34	12:41	4:04	6:40	7:55
MIRI	5:03	6:22	12:25	3:47	6:21	7:36

\*Kawasan-kawasan sewaktu dengannya